

USAHA KITA BERSAMA

Melengkapkan ayat dengan kata ganti nama diri yang betul.

Seikat bagai Sirih, Serumpun bagai Serai

Watak: temenggung, penghulu, sultan, orang kampung (suami isteri)

Babak 1: Di istana, orang kampung dan penghulu datang menghadap sultan.

Temenggung: Ampun **tuanku**. Sembah **patik** harap diampun. Penghulu Kampung Merbau datang menghadap tuanku untuk membuat aduan.

Sultan: **Beta** berkenan untuk mendengarnya. Silakan penghulu.

Penghulu: Ampun tuanku. Semalam, kampung patik telah dilanda ribut yang kuat menyebabkan rumah Pak Mail dan Mak Embun serta beberapa buah rumah yang ada di **situ** rosak. Oleh itu, memohon bantuan daripada untuk memperbaiki rumah-rumah .

Sultan: Baiklah, penghulu. akan membantu **apa-apa** yang perlu.

Penghulu: Terima kasih, tuanku.

Babak 2: **Baginda** telah menitahkan semua hulubalang dan rakyat jelata bersama-sama memperbaiki rumah mangsa ribut. Penduduk kampung gembira kerana rumah mereka telah kembali seperti sediakala. Mereka juga berganding bahu menaikkan semangat penduduk kampung itu semula.



Munshi Cilik

Kata ganti nama ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nama diri, tanya dan tunjuk.

Contoh:

Kata ganti nama diri: saya, kami, kita, mereka, beta dan baginda.

Kata ganti nama tanya: apa, mana dan siapa.

Kata ganti nama tunjuk: sana, sini, situ, itu dan ini.



Aktiviti

Memahami dan melengkapkan dialog berdasarkan bahan dalam lakonan.